




Aku & Buku

Editors:
Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai

2025



Aku & Buku




Editor:

*Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai*

Penerbit:

UiTM Cawangan Kedah

e ISBN 978-967-2948-81-0



9 789672 948810

Hak Cipta

Hak cipta@ adalah milik penulis/pemilik asal. Penyuntingan bahasa dan pembacaan pruf telah dijalankan oleh pasukan editorial dengan kebenaran penulis.

Segala pandangan, pendapat dan syor teknikal yang dikemukakan oleh penyumbang adalah tanggungjawab mereka sepenuhnya dan tidak semestinya mencerminkan pendirian editor, fakulti atau universiti.

Tiada bahagian dalam penerbitan ini yang boleh diterbitkan atau dipindahkan dalam apa jua bentuk atau cara, sama ada secara elektronik atau mekanikal, termasuk fotokopi, salinan semula atau sebarang sistem simpanan dan capaian, tanpa kebenaran bertulis daripada Rektor, UiTM Cawangan Kedah, 08400 Kedah.

eISBN: 978-967-2948-81-0

Diterbitkan oleh:

Universiti Teknologi MARA
08400 Merbok, Kedah, Malaysia

Editor:

Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai



Kandungan

Tajuk

Muka Surat

Kata Pengantar

Kata Aluan

Pendahuluan

1. Peneman Setia	1
2. Cinta Ekonometrik dan Cinta Residual	5
3. Inspirasi Dale Carnegie	8
4. Aku, Buah dan Buku	15
5. Dari Cerita Dongeng, Akhirnya Menggapai Impian	20
6. Aku di Alam Buku	24
7. Kisah Imam Syafie	27
8. Menyingkap Kegemilangan Umat Islam di Andalusia	33
9. Kisah Penaklukan Kota Konstantinople oleh Sultan Muhammad Al-Fateh	39
10. Bukuku adalah Teman Karibku	45
11. Korban Kasih	51
12. Buku, Penyelamatku	54
13. Aku, Abah dan Buku	58
14. Sebuah Buku Berwarna Coklat	62
15. TAMAR JALIS: Stephen King Malaya	65
16. Jasa Terindah	68
17. Ditandang Lagi	71
18. Anak Sulung	76
19. Inspirasi Membentuk Jatidiri	79
20. Dari Lemari Antik Moyang ke Troli e-Dagang	82
21. Menara Alam dan Kimia Manusia	86
22. Minat Membaca yang Hilang	91
23. Satu Jam Boleh Merubah Hidup	93
24. Pengembaraan Melalui Kuasa Petikan	96
25. Kāna yāmā kān	99
26. Aku, Buku dan Secangkir Kopi	102
27. Manisnya Senyumanmu	105
28. Anak-anakku & Buku	110
29. Buku Mendidik Aku	114
30. Sebuah Perjalanan Menemukan Diri	118
31. Menggenggam Bara	122
32. Diari Perjalanan Aku dan Buku	126
33. Kertas-kertas yang Harum	129
34. Pasti Ada Minatku	132
35. Aku, 'Buku Pink' dan Tesis: Kisah Kerinduan, Penantian dan Harapan	135
36. Kehidupan dalam Kata: Buku Guru Sebuah Kehidupan	140
37. Manga dan Aku	144
38. Dirimu Sentiasa Ada!	148
39. Sihat with Me	152
40. Aksaramu Inspirasiku	155
41. Kerana Sebuah Buku	159
42. Pahit Manis Pengalaman Bersama Buku	161
43. Ibrah Melalui Syukur	165
44. Kenangan Itu	168
45. Perjalanan Literasi: Dari Perpustakaan Sekolah Hingga ke Universiti	172
46. Buku "Tangan Kedua"	176
47. "달콤한 추억" di Bumi Korea	180
48. Pi Mai Pi Mai Bersua di PBAKL 2024	183
49. Baca Buku? Nerdlah Pulak!	186
50. Kekuatan di Sebalik Buku Pemberian Sahabat	190



Kata Pengantar

Projek Aku & Buku ini merupakan sebuah inisiatif murni oleh Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah yang menghimpunkan karya penulisan kreatif oleh seluruh warga Universiti Teknologi MARA (UiTM) dari pelbagai fakulti dan jabatan. Kompilasi ini adalah manifestasi semangat cinta terhadap ilmu, bahasa, dan budaya, serta usaha berterusan untuk memupuk pemikiran kritis dan ungkapan kreatif di kalangan warga universiti.


Penulisan dan penerbitan merupakan antara medium utama dalam penyebaran ilmu, dan ia memainkan peranan penting dalam pembentukan masyarakat berilmu dan berbudaya. Namun di samping kesibukan menulis artikel ilmiah berimpak tinggi, projek Aku & Buku muncul bagi menawarkan peluang warga universiti untuk menulis buah fikiran dan pengalaman peribadi dalam bentuk santai namun sampai ke hati pembaca. Himpunan karya-karya kreatif ini bukan sahaja menyemarakkan lagi arena kesusasteraan tanah air, tetapi turut memberi peluang kepada para akademik untuk menyuarakan idea, pandangan, dan imaginasi mereka dalam bentuk yang segar dan bermakna.

Sebagai institusi pengajian tinggi yang sentiasa mendokong nilai keilmuan dan pengembangan minat dalam apa jua bentuk penulisan, UiTM berbangga dapat menyokong dan merealisasikan penerbitan buku ini. Semoga karya-karya yang terkandung dalam kompilasi ini menjadi sumber inspirasi dan rujukan berharga kepada pembaca dari pelbagai lapisan masyarakat.

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada semua penulis yang telah menyumbangkan karya serta pihak yang terlibat dalam menjayakan penerbitan ini.


Selamat membaca.

Ketua Editor,
Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai





Kata Aluan



Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadirat Illahi kerana dengan izin-Nya, Projek Aku & Buku berjaya diterbitkan. Kompilasi ini merupakan manifestasi minat yang tinggi terhadap bahasa dan penulisan kreatif, yang lahir daripada ilham serta komitmen seluruh warga Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada semua penulis yang telah menyumbangkan karya, serta warga kerja yang terlibat dalam menjayakan projek ini. Usaha ini membuktikan bahawa institusi pengajian tinggi bukan sahaja menjadi medan penyebaran ilmu, malah turut menyemarakkan elemen budaya dan kreativiti dalam penulisan.

Unit Penerbitan

Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai
Siti Mukhlisa Mohamad Khairul Adilah
Nurfarisya Hafiz
Berlian Nur Morat
Nor Asni Syahriza Abu Hassan
Syakirah Mohammed
Hajjah Sharina Saad
Mas Aida Abd Rahim
Syazliyati Ibrahim
Abdul Majeed Ahmad

Penyunting


Berlian Nur Morat

Pereka Layout & Grafik

Asrol Hasan

Semoga buku ini menjadi inspirasi kepada para pembaca dan terus menggalakkan penghasilan karya kreatif yang berkualiti pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.



Pendahuluan

Penulisan kreatif merupakan medium penting dalam menyampaikan nilai, emosi dan pemikiran masyarakat. Ia bukan sekadar hiburan, malah berperanan dalam mencorak budaya intelektual dan memperkaya khazanah ilmu. Projek Aku & Buku ini merupakan sebuah himpunan karya penulisan kreatif yang lahir daripada ilham dan bakat warga akademik, khususnya dari Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah, serta sumbangan penulis dari fakulti dan institusi lain.

Kompilasi ini menampilkan pelbagai genre dan gaya penulisan yang mencerminkan kepelbagaian latar belakang dan pengalaman para penulisnya. Usaha ini sejajar dengan aspirasi UiTM dalam menggalakkan budaya penulisan, penyelidikan, dan penerbitan sebagai tunjang penyebaran ilmu yang berterusan kepada masyarakat.

Menerbitkan karya kreatif dalam bentuk buku bukan sahaja membuka ruang kepada ekspresi diri, tetapi juga memperkukuh peranan institusi pengajian tinggi dalam memperkaya wacana sastera tempatan. Semoga buku ini dapat menjadi pencetus inspirasi, pemangkin idea, serta wadah untuk menyemai minat terhadap dunia penulisan dan pembacaan.



Sebuah Perjalanan Menemukan Diri

Noorliza Zainol, Norrina Din dan Mohammad Azli Razali

Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan, UITM Cawangan Pulau Pinang

Tarikh 23 April setiap tahun merupakan Hari Buku Sedunia yang dicetuskan oleh Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO) bagi menggalakkan aktiviti pembacaan, penerbitan dan hak cipta penulisan. Amalan membaca bukan saja diiktiraf oleh pertubuhan besar dunia malahan membaca menjadi satu amalan mulia hinggalah disebut dalam ayat pertama Al-Quran yang diturunkan kepada Nabi Muhammad S.A.W, Iqra daripada surah al-Alaq yang bermaksud “bacalah”.

Hidup ini adalah perjalanan yang dipenuhi dengan pelbagai pengalaman dan penemuan. Di antara semua hal yang membentuk diri kita, buku mendapat tempat paling istimewa dalam kehidupan saya. Buku bukan hanya bertindak sebagai sumber pengetahuan, tetapi juga teman setia yang menemani setiap langkah dalam pencarian jati diri. Saat saya masih kanak-kanak, dunia di sekitar nampak begitu besar dan penuh misteri. Dongeng tentang puteri jelita, haiwan yang pintar, serta kisah luar biasa di dunia lain membuatkan daya imaginasi dan perasaan ingin tahu saya sentiasa ada. Buku-buku yang saya temui menjadi jendela ke dunia yang lebih luas dan ajaib, membuka jalan ke dunia yang tidak terbatas oleh ruang dan waktu. Buku cerita dengan ilustrasi berwarna-warni dan kisah-kisah yang menakjubkan menjadi teman setia yang menemani hari-hari saya seusia kanak-kanak.

Sejak kecil, saya sudah terpicat dengan dunia buku. Buku-buku cerita mengisi ruang imaginasi seorang anak kecil tidak hanya menghibur, tetapi juga mengajarkan saya nilai-nilai penting seperti keberanian, kebaikan hati, dan persahabatan. Ibu dan ayah jarang membacakan buku cerita kepada saya tetapi di waktu saya masih belum mampu mengenal huruf dan membaca, guru di sekolah tadika membacakan banyak buku cerita yang menarik kepada saya dan rakan-rakan setiap hari. Setiap pagi sebelum aktiviti lain di mulakan saya dan rakan-rakan yang lain akan ke sebuah bilik (atau lebih tepat sebuah perpustakaan mini) diiringi guru yang kemudiannya akan memulakan sesi bercerita. Saya selalunya akan memilih untuk duduk berdepan dengan guru tersebut. Gaya guru bercerita, dengan mimik muka, lenggok badan dan tangan membuatkan semua diam terpaku teruja dengan cerita daripada buku yang dipegang oleh guru. Selalunya saat guru habis bercerita hati kecil saya akan berkata-kata; “ala cikgu! tolonglah teruskan bercerita”. Buku cerita seperti "Cinderella," "Kancil yang cerdik," dan "Jack dan pokok kacang ajaib" merupakan sebahagian buku yang masih saya ingati sehingga kini. Buku cerita bergambar adalah teman pertama saya.

Minat saya pada aktiviti membaca mungkin juga tersemam dari kecil. Dipupuk dalam diam oleh ibu tanpa saya sedari. Ini kerana ibu sering membawa kami adik beradik ke perpustakaan sejak dari kecil. Perpustakaan pertama yang saya jejak seingat saya adalah sebuah perpustakaan di bandar kecil Sandakan, Sabah. Teruja dan sangat gembira rasanya saat itu kerana dapat melihat susunan buku yang rapi dengan ruang atau sudut membaca untuk kanak-kanak yang dihias dengan lukisan mural dinding yang menceriakan. Kemudiannya aktiviti ke perpustakaan diteruskan ketika kami sekeluarga berpindah ke Kota Kinabalu, Sabah. Hampir setiap minggu saya dan abang akan dihantar ke perpustakaan negeri yang terletak di bandar besar Kota Kinabalu, Sabah. Begitu juga jika ibu mempunyai urusan kerja yang

memerlukan masa yang lama, kami memilih untuk pergi ke perpustakaan dari mengikuti ibu menyelesaikan urusannya.

Di kelilingi buku menyebabkan kami leka dan tak sedar masa berjalan pantas. Selalunya ibu akan membekalkan kepada kami makanan berbungkus dan minuman kotak yang ditinggalkan pada petugas-petugas di kaunter perpustakaan, jadi bila kami ingin makan atau minum kami akan ke kaunter untuk mendapatkannya. Habis makan dan minum, aktiviti membaca selalunya akan diteruskan lagi. Ibu juga akan selalu berpesan kepada petugas perpustakaan untuk melihat-lihat keadaan kami. Terima kasih kerana menjaga kami dengan baik waktu itu. Mungkin disebabkan sering ke perpustakaan, hubungan kami dengan mereka menjadi akrab.

Saat memasuki alam persekolahan, buku menjadi jendela bagi pengetahuan dan pembelajaran. Buku pelajaran membantu saya dalam memahami ilmu baharu. Buku teks menjadi bahagian penting dalam proses belajar saya ketika zaman persekolahan. Tanpa bantuan “Mr. Google” atau kemudahan mengakses ilmu daripada komputer, menjadikan buku teks rujukan utama saya bagi setiap mata pelajaran. Ketika pelajaran sejarah, saya terbawa ke masa lalu, mengenal tokoh-tokoh besar dan peristiwa penting yang membentuk dunia. Dalam pelajaran sains, buku memperkenalkan keajaiban alam semesta, dari bintang-bintang di langit hingga mikroskopis organisma yang tak terlihat oleh mata. Buku teks geografi juga menjadi pilihan saya, kerana saya dapat mempelajari berkaitan sesuatu negeri dan negara. Semasa sekolah rendah penerimaan buku teks paling saya nantikan. Aktiviti wajib adalah membalut buku dengan kemas dan seminggu dua seterusnya saya akan membaca setiap halaman dan helaian yang terdapat dalam buku teks yang diterima. Teruja sebab banyak ilmu baharu yang saya pelajari, bukan sekadar buku teks saya malahan buku teks yang diterima oleh abang pun saya akan ambil dan baca. Zaman tanpa gadget dan siaran televisyen yang pelbagai menyebabkan saya memilih buku sebagai pengisian masa yang terluang.

Teringat kali pertama dapat memasuki perpustakaan sekolah, saya akan duduk dilantai perpustakaan dan membaca buku-buku yang saya suka. Pada masa itu buku cerita siri penyiasatan kanak-kanak sangat saya gemari. Mungkin cikgu perasan saya selalu berada di perpustakaan dan tidak bermain seperti pelajar-pelajar yang lain ketika masa senggang yang ada; akhirnya saya dipilih menjadi pengawas perpustakaan. Cikgu Hamzah yang ketika itu bertanggungjawab menjaga perpustakaan sekolah memberikan saya peluang dan ruang yang sangat banyak untuk saya terus berdamping dengan buku. Terima kasih cikgu, Cikgu Hamzah yang memahami minat saya dan keterujaan saya terhadap buku sering memberi saya peluang untuk menjadi orang pertama membaca koleksi-koleksi buku cerita terbaru yang sekolah terima. Pada waktu ini buku cerita berunsur mistik dan hantu sangat laris di pasaran. Saya berpeluang membaca banyak koleksi buku cerita penulis Tamar Jalis “Bercakap dengan Jin” di rumah pengasuh dan selalunya waktu malam saya jadi penakut kerana asyik teringat-ingat cerita yang dibaca itu.

Ketika memasuki fasa remaja, pilihan saya terhadap bacaan semakin berkembang dan bervariasi. Semasa fasa ini saya mulai menyedari bahawa setiap buku yang saya baca adalah cermin yang memantulkan aspek-aspek diri saya sendiri. Ada ketika saat saya berasa sedih, buku-buku menjadi penglipur lara. Ketika merasa sukar untuk melaksanakan tugas akademik, saya menemukan kekuatan dalam kisah-kisah tokoh yang hebat. Saat merasa sendirian, buku-buku memberikan rasa persahabatan yang tak berbelah bagi. Masa remaja adalah masa pencarian jati diri, dan buku-buku menjadi panduan yang membantu saya untuk lebih memahami apa yang saya inginkan. Pada ketika ini majalah dan surat khabar mendominasi hampir semua ruang kedai yang ada. Di kedai makan, di kedai runcit, di ruang jualan di setiap hentian bas ketika itu terdapat banyak bahan bacaan yang boleh dibeli. Malahan ada ketika perlu berebut untuk membeli dan memiliki majalah dan surat khabar pilihan. Pelbagai pilihan surat khabar seperti Berita Harian, Utusan, Metro, The Star, The Edge, dan Harakah mendominasi jualan harian bahan bacaan berupa suratkhbar. Majalah seperti Jelita, Keluarga,

Mastika, Variasari dan Wanita pula laris jualannya setiap bulan. Menariknya ketika ini majalah dan bahan bacaan untuk kanak-kanak tidak dilupakan setiap bulan ibu melanggan majalah Didik dan Dewan Pelajar kerana majalah ini juga sering habis jualannya di kedai-kedai buku berhampiran.

Fasa remaja saya di kampus universiti. Sebagai seorang yang bergelar pelajar tentunya faktor wang membataskan saya untuk memiliki buku. Saya memilih untuk ke perpustakaan. Perpustakaan utama di Menara dan yang terdapat di Fakulti Perniagaan menjadi saksi saya masih akrab dengan buku. Sudah tentunya masa terluang hujung minggu banyak saya habiskan di sini, terutama di perpustakaan utama. Ruang bacaan yang menempatkan koleksi majalah selain sudut bacaan yang menempatkan buku-buku rujukan bidang yang saya ambil sering jadi tumpuan utama saya. Ketika usia ini, genre gaya penulisan Wilda Adnan yang sering terpapar di majalah JELITA menjadi tumpuan saya. Walau negara kita ada ramai penulis-penulis yang hebat, tapi penulis yang seorang ini gaya penulisannya paling saya suka. Gaya penulisan bersahaja dengan susun ayat yang teratur dan tersusun indah saya baca berulang kali tanpa jemu.


Saya selalu akan berlama-lama di perpustakaan, seperti saya sewaktu zaman kanak-kanak; pilihan tempat saya membaca adalah di lantai celah-celah deretan rak buku bertemankan gula-gula, sebuku roti kecil berperisa dan air kotak atau air di dalam botol kecil yang saya selitkan di celah jaket baju. Ada waktunya saya ke tempat tumpuan utama saya Kompleks PKNS Shah Alam kerana di situ ada dua toko buku besar dan ada sebuah kedai buku terpakai. Zaman ini paling saya suka sebab ada banyak bahan bacaan bercetak yang dipasarkan dengan harga mampu milik. Ada waktunya ketika menantikan bas untuk ke destinasi sama ada kuliah atau ketika hendak balik kampung; saya sering melihat bahan-bahan bacaan di tinggalkan di hentian bas. Selalunya saya akan merelakan diri ketinggalan bas sebab bahan bacaan yang ditinggalkan itu akan saya belek baca terlebih dahulu. Waktu itu saya tidak pernah berasa ralat atau kesal jika tertinggal bas, tapi perasaan itu akan menghantui saya andai buku yang ditinggalkan itu tidak saya buka dan baca helaian isinya.

Seiring berjalannya waktu dan memasuki usia dewasa, buku tetap menjadi bahagian penting dalam kehidupan saya. Namun, cara saya berinteraksi dengan buku telah berubah kerana kemajuan teknologi membolehkan bahan bacaan diperoleh di hujung jari. Buku-buku yang di baca kini lebih beragam, mencakupi karya-karya sastera, buku-buku pembangunan diri, biografi, dan pelbagai genre lainnya. Seiring berjalannya waktu, minat saya terhadap buku semakin mendalam dan buku memainkan peranan penting dalam hubungan saya dengan individu di sekitar. Pada usia ini saya sedar hasil pembacaan saya yang pelbagai genre membolehkan saya berada di kelompok individu yang berbeza. Ada waktunya saya suka berdiskusi tentang buku dengan teman-teman dan keluarga. Dalam perbincangan tersebut, kami saling berbahagi inspirasi dan motivasi.

Penting bagi saya untuk teruskan membaca terutamanya bahan bacaan yang mengikut arus semasa agar pengetahuan terhadap sesuatu isu itu sentiasa ada. Namun harga bagi bahan bacaan kini agak mahal dan banyak bahan bacaan bercetak seperti majalah dan surat khabar telah dihentikan pengeluarannya. Walaubagaimanapun, peluang dan ruang untuk terus membaca tetap ada, banyak platform di sosial media yang memaparkan aktiviti-aktiviti jualan bahan-bahan bacaan ini dengan harga yang berpatutan. Malahan berbagai-bagai pesta jualan buku juga sering diadakan di negara kita seperti Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL), "Big Book Wolf", Pesta buku Karangkrak" dan pelbagai lagi. Malahan menariknya jualan pesta buku ini juga boleh disertai secara maya.


Hingga kini, buku tetap menjadi sesuatu yang penting dan tidak boleh dipisahkan dari hidup saya. Saya sentiasa pastikan buku sentiasa saya bawa ke mana sahaja untuk saya baca asal ada waktu terluang. Dalam hidup, buku adalah teman setia yang selalu ada. Buku adalah

saksi bisu dari setiap langkah yang diambil, setiap keputusan yang saya buat, dan setiap mimpi yang saya coba kejar. Melalui buku, saya menemukan makna hidup dan memahami bahawa setiap halaman yang saya baca adalah bahagian daripada cerita panjang yang terus berlanjutan: bagi menemukan jati diri. Buku bukan hanya sekadar bacaan semata bagi saya. Setiap kali saya membuka sebuah buku, saya tidak hanya membaca kata-kata; saya menemukan diri saya sendiri di antara baris-baris ayatnya. Dari kanak-kanak yang terpukau oleh dongeng hingga dewasa yang mencari makna dalam setiap halaman, buku selalu menjadi bahagian yang tak dapat dipisahkan daripada diri saya. Buku mengajar kita bahawa setiap cerita, setiap pengalaman, dan setiap pemikiran adalah bahagian dari perjalanan yang lebih panjang.



Aku & Buku

2025



e ISBN 978-967-2948-81-0



9 789672 948810

